

Dr Mahathir berjaya tangkis

19 JUL 1994

BERIKUT disiarkan bahagian kedua tulisan DRS SAIPUL ANWAR, yang menyorot taktik Barat untuk menguasai negara dan pemimpin Asia.

PERSEPSI Dr Mahathir Mohamad terhadap alat politik berbeza dengan Barat. Membalas tuduhan tanpa fakta *The Sunday Times*, CNN, media Australia, beliau bukan menggunakan media itu kembali. Ini kerana langkah itu dianggap tidak jahtan dan 'gentleman'. Beliau memakai bidang ekonomi sebagai senjata baru. Seperti yang terjadi kebelakangan ini, senjata itu memang cukup ampuh. Selepas Malaysia membekukan kontrak dengan beberapa syarikat British, kerajaan British begitu bersusah payah untuk melobi Dr Mahathir. Ini terbukti ketika Menteri Perdagangan British, Richard Needham bersama 20 orang korporat negaranya datang ke Malaysia untuk mengambil hati Dr Mahathir. Senjata ekonomi yang digunakan Dr Mahathir dalam melawan Barat mampu membuat Britain bertekuk lutut. Apalagi bila diketahui bahawa angka pengangguran di Britain menjangkau 2.75 juta, dengan kadar 9.8 peratus.

Dalam melawan media Australia dan Paul Keating, ketika Perdana Men-

teri Australia itu menuduh Dr Mahathir keras kepala, Malaysia juga menggunakan senjata ekonomi untuk melawan Australia. Hubungan rancangan siaran tv Australia di RTM dihentikan. Ini diikuti oleh beberapa langkah bijaksana lain. Senjata inipun mampu membuat Keating memohon maaf kepada Dr Mahathir. Bila dilihat sekilas pandang, politik ekonomi sebagai *instrument of politics* mampu mengalahkan sesuatu negara yang ingin menekan kerajaan Malaysia walaupun keberhasilan senjata itu terlihat mikro dari sudut hubungan antarabangsa.

Alat politik kedua digunakan Barat untuk menakluk dunia, terutama Asia, ialah membangkitkan isu dalaman sesuatu negara. Ini taktik dan strategi terkini dalam akhir abad ini. Amnya senjata ini sekarang lebih berat tertuju kepadanegara Asia yang sedang melangkah ke depan tapi mempunyai kemapanan politik dan ekonomi. Kebijakan Clinton, sebulan yang lalu untuk melanjutkan taraf negara paling diuta-

makan (MFN) bagi China adalah bukti taktik baru. Peristiwa berdarah pada 4 Jun 1989 dan rekod hak asasi manusia yang buruk di China dibangkitkan semula menjadi isu antarabangsa.

Clinton mencuba mendewakan hak asasi manusia dan menghubungkan penyelewengan hak asasi itu dengan bidang ekonomi. Defisit ekonomi China dengan Amerika adalah RM100 billion. Keadaan ekonomi ini mengakibatkan keuntungan bagi China. Sementara itu, Amerika sedang mengalami kemelesetan ekonomi dan dibebani pengangguran rakyatnya yang berjumlah 16.2 juta orang. Amerika mencuba menekan China agar walaupun tak patuh, gerun sedikit jadilah. Dengan mempertikaikan rekod hak asasi manusia, Amerika berusaha agar China lebih tunduk dengan kebijaksanaan politik Amerika. Dalam hal ini, Amerika secara langsung menggunakan dua alat/senjata politik. Pertama, membangkitkan isu hak asasi manusia di China iaitu penahanan terhadap aktivis gerakan demonstrasi Tiananmen. Setelah China terumbang-ambing dan terdesak, Clinton menggunakan senjata ekonomi. Menjadikan MFN sebagai alat untuk menekan

kerajaan Li Peng, Amerika berharap China sedikit berubah. Tetapi senjata ekonomi Clinton ternyata tidak setajam senjata Dr Mahathir dulu. China semacam tidak peduli dengan hak MFN-nya kerana hak itu tidak memberikan banyak keuntungan kepada China.

Nyata Amerika cuba menggunakan masalah dalam negeri sebagai alat untuk menundukkan China, tetapi alat itu kurang mantap. Mungkin Clinton hanya cuba-cuba. Senjata itupun pernah digunakan oleh Amerika terhadap beberapa negara lain di Asia. Malaysia pernah difitnah mengenai isu penebangan kayu balak, kemudian isu rasuah ahli politik. Indonesia dilanda isu integrasi Timor-Timur, yang dijadikan alasan oleh Amerika untuk mempersulit bantuan tentera ke Indonesia.

Sebelum China, Indonesia juga diperdayakan Amerika dengan MFN-nya. Amerika mengancam menarik balik MFN terhadap Indonesia atas alasan negara itu tidak berusaha memperbaiki rekod hak asasi manusia. Tindakan Amerika dilawan dengan kebijaksanaan ekonomi, iaitu menjual tujuh unit helikopter Super Puma ke Iran. Hingga kini, masalah MFN itu belum dapat menundukkan kekua-

saan Indonesia.

Kini Amerika dan Barat membangkitkan isu dalaman untuk dijadikan isu antarabangsa. Isu dalaman itu berupa pendapatan buruh, masalah sosial di Asia, dan hak asasi manusia. Barat mengaitkan masalah dalaman dengan perdagangan bebas antarabangsa. Mereka cuba memasukkan undang-undang mengenai hak asasi manusia, taraf pendapatan buruh yang tinggi ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Menggunakan taraf pendapatan rendah dan hak asasi manusia yang kurang layak di Asia, negara maju mahu memonopoli konsepsi dan hegemoni di WTO. Barat menekan kemampuan dalam negeri sesebuah negara dengan mengemukakan masalah dalam negeri. Dengan itu, negara lain akan mempersoalkan negara itu.

Mengangkat isu dalaman menjadi sebuah agenda permasalahan antarabangsa mencipta dikotomi. Pertama, negara bermasalah (Asia) menjadi bahan perbincangan dan juga negara terdakwa sedangkan negara yang membangkitkan masalah (Barat) bertindak sebagai pendakwaraya sekaligus menjadi hakim. Menggunakan keadaan dalam negeri sebagai 'Instrument of Politics' menciptakan

tohmahan Barat

dua disposisi, dan dua kelas darjat. Selalunya, Barat berusaha menjadi wira sementara negara Asia menjadi kambing hitam yang dipersalahkan mengenai rekod hak asasi manusianya.

Setakat ini, alat Barat itu belum mencapai matlamatnya kerana selain negara Asia mengetahui tembelaan dan wajah Barat sebenar, mereka juga sudah mengira ke mana WTO, GATT akan dibawa. Selama ini, hampir seluruh negara Asia membantah campur tangan Amerika dan Barat terhadap masalah dalam negeri. Tokoh yang sentiasa menyuarakan soal prinsip Asia adalah Dr Mahathir. Tatkala isu MNF melanda China, Dr Mahathir datang ke China dan berbicara di depan Parlimen. Antaranya, beliau menegaskan agar China jangan berusaha mengikut kata-kata Barat, China hendaknya menjadi China yang diwarnai oleh budaya sendiri. Di depan persidangan negara-negara Asean, Dr Mahathir sentiasa menegaskan agar jangan tunduk dan patuh pada ancaman dan kecaman Barat. Beliau sentiasa menjelaskan agar WTO jangan dikotori dengan masalah sosial dalam suatu negeri. Sebahagian negara Asia terdorong semangatnya de-

ngan penegasan dan bantahan itu. Bagaimanapun Barat belum mampu membalas bantahan Dr Mahathir itu. Dengan ketegasan dan teori desentralisasi ke Timur, Dr Mahathir berusaha menjadikan Asia sebagai kawasan aman dan maju. Sampai saat ini alat politik yang digunakan Barat belum mengenai sasaran dengan tepat. Negara Asia sudah menyedari sasaran senjata itu. Malaysia akan selalu berdiri di hadapan untuk menyekat setiap alat/senjata baru yang akan digunakan Barat. Jadi, senjata yang digunakan Dr Mahathir untuk menangkis senjata Barat membangkitkan isu dalam negeri ialah dengan menegaskan prinsip negara-negara Timur dan kebijaksanaan desentralisasi ke Timur.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah senjata lama tetapi keampuhan dan kesaktiannya diragui. Hak vetonya menjadi senjata bagi Amerika, Perancis, Britain, Russia dan China. Tetapi negara Baratlah yang kerap menggunakannya. Hak veto ini menyebabkan ketidakadilan dan terumbang-ambingnya perdamaian dunia. Iraq, Bosnia dan Timur Tengah menjadi saksi ketidakadilan itu.

Kita tahu PBB pada

dasarnya wujud untuk mencipta perdamaian di dunia. Tetapi PBB tidak mempunyai taring kerana walaupun ia pertubuhan seluruh negara di dunia, ia sebenarnya dimonopoli negara kuasa hak memveto. Amerika, Perancis, Britain, China dan Russia tidak memanfaatkan hak veto untuk menjadikan Bosnia sebagai kawasan aman. Hak veto dari sudut politik membela keganasan dan penjajah dan membiarkan negara terjajah dalam dilemanya. Namun, ada beberapa langkah dapat digunakan untuk melawan hak veto. Pertama, memasukkan negara-negara lain sebagai kuasa hak veto. Amerika Syarikat adalah negara kuasa hak veto mewakili benua Amerika.

Langkah kedua untuk menghambat atau menghalang senjata hak veto adalah membentuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kedua sebagai tandingan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang baru nanti menjadi counter authority, kekuatan tandingan PBB. Seandainya PBB yang baru terbentuk dan mewakili seluruh negara di dunia, banyak negara akan menjadi anggotanya. Harapan untuk menjadikan bumi sebagai kawasan aman dan damai akan menjadi kenyataan.